

# Askar Wataniah UniSZA bantu orang kampung

13/2/13

Senor MS T16

**KEMASIK** - Bagi memberi asas latihan ketahanan fizikal dan kepimpinan, seramai 150 anggota Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) Askar Wataniah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengadakan Program Wira Gagah 2013 di Hutan Lipur Air Menderu, di sini.

Perkemahan tahunan itu juga diadakan bagi memberi pendedahan kepada anggota yang juga pelajar untuk bercampur dengan masyarakat kampung.

Ketua Jurulatih Wataniah UniSZA, Mejar Mohammad Ismail berkata, kawasan air terjun

itu yang dekat dengan Kampung Chabang membolehkan anggota mendekati budaya hidup masyarakat setempat.

"Pelajar turut membantu orang kampung membersihkan persekitaran masjid dan balai raya," katanya.

Program itu diadakan empat hari membabitkan seramai enam fasilitator bertugas iaitu Letenan Muda Akila Mamat, Sarjan Nasir Sulaiman, Sarjan Mohd Napi Abd Rahman, Letenan Muda Khairul Anuar dan wakil Batalion Kedua Kem Sri Tembila Besut, Sarjan Azizul Aziz.

Aktiviti yang dijalankan

sepanjang program itu termasuklah meredah jalan rasak sejauh 16 kilometer dan penyampaian perintah dan taktik tatacara hutan.

Kata Mohammad, program perkhemahan itu diadakan setiap semester di lokasi yang berlainan.

"Semua anggota Askar Wataniah UniSZA ini juga turut terikat dengan latihan mingguan yang biasanya diadakan di Kem Tembila, Besut.

"Kalau tiada latihan anggota perlu menghadiri kelas dalam kampus UniSZA, Kuala Terengganu," katanya.



Anggota Askar Wataniah UniSZA berjaya menamatkan Program Wira Gagah selama empat hari di Hutan Lipur Air Menderu, Kemasik.